

20 OCT 2003

Hamid-Powell/I

POWELL SETUJU UCAPAN DR MAHATHIR SEMASA OIC PUNYAI IDEA BERNAS

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 20 Okt (Bernama) -- Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell bersetuju bahawa ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perasmian Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 Khamis lepas, mengandungi "banyak idea dan perkara baik", kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Katanya, apabila ucapan Perdana Menteri mendapat kritikan negara-negara Barat dan Israel, Powell telah mendapatkan teks berkenaan dan membaca keseluruhan isi kandungannya.

"Beliau membaca teks Dr Mahathir kerana ia mencetuskan banyak (kontroversi). Dan beliau dapati ia mengandungi banyak idea dan perkara baik yang boleh dilaksanakan," kata Syed Hamid selepas mengadakan pertemuan dua hala selama setengah jam dengan Powell di luar persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini.

Dr Mahathir dalam ucapannya telah menggesa dihentikan keganasan dan pembunuhan termasuk pemgeboman berani mati dan serangan balas besar-besaran selain meminta umat Islam berfikir bagi mencari jalan menyelesaikan masalah.

Bagaimanapun kandungan ucapannya yang menyentuh tentang bagaimanana "Yahudi memerintah dunia dengan proksi serta menggunakan pihak lain untuk berjuang dan berkorban untuk mereka" telah disalahtafsir oleh sesetengah media Barat yang menuduh Dr Mahathir anti-Yahudi.

Syed Hamid berkata Powell bagaimanapun menyebut bahawa ada kandungan ucapan Dr Mahathir yang boleh mendorong sesetengah pihak memberikan reaksi buruk serta mencetuskan kebimbangan.

"Saya telah mengambil kesempatan menjelaskan perkara sebenar. Saya memintanya melihat ucapan itu secara menyeluruh. Ia bukan bertujuan mencetuskan suasana yang tidak menyenangkan," katanya.

Malahan kata Syed Hamid, beliau memberitahu Powell bahawa Dr Mahathir turut mengkritik umat Islam dan meminta mereka merenung kejayaan kaum Yahudi dan permintaan itu bukannya sesuatu yang mudah untuk dibuat.

Menyifatkan perjumpaan itu sebagai "baik", Syed Hamid berkata ia atas permintaan Powell selepas perjumpaan yang dijadualkan di New York awal bulan ini tidak dapat diadakan.

Syed Hamid berkata beliau telah memberi jaminan kepada AS bahawa dasar Malaysia tidak akan berubah selepas Dr Mahathir bersara akhir bulan ini dan diganti oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya katakan ia hanya perubahan pucuk pimpinan bukannya perubahan kerajaan. Datuk Seri Abdullah akan meneruskan dasar sekarang. Abdullah bukan baru dan Powell mengenali beliau," katanya.

Sebelum itu, berucap pada persidangan CEO Apec, Powell menggesa agar AS, Filipina, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Thailand mengeratkan kerjasama dalam usaha memerangi keganasan.

-- BERNAMA

AR SHY MOZ